

Kit Siang dakwa Dr M gagal satukan kaum

BH 29 JUL 2002

KUALA LUMPUR, Ahad ■ Pengerusi DAP, Lim Kit Siang mendakwa kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap masalah pengasingan kaum di kalangan generasi muda yang kini semakin serius sebagai kelemahan kepemimpinan Perdana Menteri selama 21 tahun.

Beliau berkata, ia juga menuniukkan Dr Mahathir gagal menyatukan semua kaum di Malaysia dan menyalahkan puak ekstrem sebagai punca berlaku pengasingan kaum.

"Ia (pengasingan kaum) begitu menakutkan tetapi menunjukkan kegagalan kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri selama 21 tahun," katanya pada forum awam membincangkan *blue-print* Pembangunan 10 Tahun (2001-2010) Pendidikan yang disediakan Kementerian Pendidikan, di sini malam ini.

Akhbar hari ini melaporkan Perdana Menteri melahirkan rasa sedih dan terkilan dengan masalah pengasingan kaum di kalangan generasi muda yang semakin serius dan kini pada tahap membimbangkan.

Dr Mahathir berkata, keadaan semakin membimbangkan apabila puak ekstrem daripada semua kaum semakin lantang

menggalakkan perpisahan kaum dan menentang sebarang usaha untuk mendekatkan kaum.

Selain Lim, tiga lagi ahli panel forum anjuran DAP itu adalah tokoh pendidikan, Prof Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid, Prof Datuk Dr Syed Hussein Alattas dan Naib Presiden DAP, Dr Tan Seng Giaw.

Mereka membincangkan mengenai *blue-print* itu dan mengaitkannya dengan isu pendidikan negara, iaitu kewajaran penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek Sains dan Matematik, kuota pelajar universiti, meritokrasi, polarisasi kaum, nilai moral pendidikan dan pengasingan kaum generasi muda.

Lim pada forum itu berkata, *blue-print* yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan tidak telus, tidak menyeluruh, tidak demokratik, tidak relevan dan tidak bermatlamat kerana tidak dibincangkan secara pandangan masyarakat dan golongan akademik serta tergesa-gesa.

"Tetapi pendidikan negara kerugian dua tahun kerana *blue-print* itu hanya baru diterbitkan sedangkan perancangannya adalah dari 2001 hingga 2010," katanya.